

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 JUNE 2016

## Keluarga digesa nasihat bekas PM

UM-23/6/2016

**KUALA LUMPUR 22 Jun** - Keluarga Tun Dr. Mahathir Mohamad digesa tampil memainkan peranan menasihati bekas Perdana Menteri itu atas dasar kepentingan Melayu dan negara, jika beliau tidak berminat mendengar pandangan tokoh-tokoh luar.

Bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Ibrahim berkata, nasihat daripada ahli keluarga dilihat satu pendekatan yang molek kerana Dr. Mahathir tidak seharusnya mengotorkan segala pencapaian hebatnya dengan bersekongkol bersama DAP dan pembangkang.

“Dr. Mahathir adalah seorang yang layak dihormati kerana banyak jasa kepada bangsa, agama dan tanah air tetapi kalau beliau buat perangai bersekongkol dengan DAP dan pembangkang, seolah-olah tiada prinsip perjuangan langsung.

“Saya ingat, keluarga tolong beri nasihat kepada beliau. Dr. Mahathir seorang negarawan tetapi bertindak sehingga menjadi seperti seorang tokoh poli-

itik yang amat rendah darjatnya,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad memberi amaran tindakan Dr. Mahathir bersekongkol dengan DAP dan PAN hanya kerana mahu menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, akan membawa mudarat lebih besar kepada orang Melayu.

Dalam pada itu, Abdul Aziz berkata, kebimbangan bekas Ketua Hakim Negara tersebut adalah benar kerana DAP dan pembangkang hanya mahu memperalatkan kemarahan Dr. Mahathir kepada Najib untuk memastikan cita-cita politik mereka tercapai.

“Apakah Dr. Mahathir terlalu buta sehingga tidak menilai semua itu? Benarkah dengan beliau bersekutu dengan DAP dan kalau ditakdirkan DAP menjadi kerajaan, parti itu akan jaga orang Melayu? Saya tidak fikir begitu dan akhirnya apa jadi pada orang Melayu,” soalnya.